

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1987/88

SKU 106 -Negara Kaya Negara Miskin

Tarikh : 15 April 1988

Masa : 2.45 ptg - 4.45 ptg
[2 jam]

Jawab TIGA soalan sahaja.

1. Pilih lima (5) daripada mitos-mitos tentang kebuluran dan kekurangan makanan sedunia. Apakah kaitan di antara masalah ini dengan masalah ledakan pertumbuhan penduduk di negara-negara miskin.
2. Huraikan bentuk-bentuk dan proses-proses pergantungan yang terus meluaskan jurang ketidakseimbangan antara negara-negara maju dan mundur.
3. Penjajahan telah mendokong perkembangan kapitalisme sedunia. Nilaikan pernyataan ini.
4. Penggunaan teknologi tinggi dalam pengeluaran dapat membebaskan manusia daripada kerja-kerja yang berat, berulang-ulang dan yang membosankan. Bincangkan pernyataan ini daripada kaca-mata keperluan-keperluan negara-negara miskin.
5. Perbadanan Pembangunan Perindustrian Bangsa-bangsa Bersatu (UNIDO) yang dilahirkan pada tahun 1967 berperanan memajukan perindustrian di negara-negara membangun (NNM). Antara saranan-saranannya adalah supaya NNM menggalakkan pelaburan perbadanan-perbadanan seantarabangsa (PSB). Ulaskan secara kritis peranan PSB di NNM.
6. Bentangkan asas-asas ketidakseimbangan yang utama yang ujud di antara negara-negara Utara dan Selatan. Sejauh manakah saranan-saranan Laporan Brandt dapat merapatkan jurang ketidakseimbangan Utara-Selatan.

...2/-

7. Ada beberapa petunjuk yang menunjukkan bahawa kaum wanita memberi sumbangan besar kepada pengeluaran tetapi mereka tidak menerima ganjaran yang setimpal. Bincangkan kenyataan ini dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai.
8. Peningkatan Keluaran Negara Kasar (KNK) dan pendapatan per kapita akan dapat mengatasi masalah kemiskinan dan ketidaksamaan. Ulaskan secara kritis pernyataan ini.

- oooOooo -